

Kecantikan Ikan Laga

IMBAS KENANGAN INDAH ZAMAN KANAK-KANAK

Sememangnya tiada yang indah selain daripada dunia kanak-kanak. Setiap masa hanya memikirkan tentang keseronokan sahaja. Pasti kehidupan di kampung menyimpan seribu satu cerita. Sungai, sawah dan parit menjadi “taman permainan” yang terlalu mengasyikkan dan menyimpan sejarah tersendiri.

Yang pastinya, membela ikan laga merupakan satu hobi yang sentiasa mekar, subur dan seakan-akan diwarisi daripada zaman datuk nenek lagi. Golongan tua yang membesar dengan membela ikan laga pastinya tersenyum tenang sambil membayangkan kenangan indah membesar bertemankan nostalgia kecantikan ikan laga.

Ternyata, aktiviti mencari ikan laga sangat dekat di hati sesiapa sahaja, biar pun zaman terus menuju arus kemodenan. Dahulu, apabila tamat waktu persekolahan, terus ke sungai, baruh atau paya untuk mencari ikan laga. Biasanya ikan ini mudah ditangkap kerana bersarang di air cetek yang paras buku lali dan mempunyai rumput untuk dijadikan sebagai habitat. Hal ini disebabkan oleh untuk mengelakkan daripada pemangsa, seperti burung raja udang dan ikan haruan. Kanak-kanak yang membesar dengan bermain lumpur dan selut ini pastinya tidak menghiraukan hal itu. Yang pasti, mereka tetap mencuba mencari ikan laga biar pun terpaksa pulang setelah matahari jatuh di barat.



Pada ketika itu, ikan laga membiak dengan aktif dan tidak sukar untuk menangkapnya. Hanya sauk dengan tangan sahaja apabila terjumpa sarang ikan laga yang berbuih kecil setompok di celah rumput atau daun kering. Kata orang tua-tua, jika warna buihnya yang lebih berkarat, maka lebih lawa

ikannya. Ikan laga tua dan matang memiliki warna yang sangat menarik. Ikan laga jantan berwarna gelap dan menghasilkan buih, manakala ikan betina akan bertelur masuk ke dalam kelongsong buih.

Ikan laga yang berjaya ditangkap akan diletakkan di dalam plastik atau botol kaca bersama-sama air yang diambil di tempat tersebut untuk mengekalkan habitat semula jadi. Di dalam air yang jernih, warnanya lebih terserlah, terang dan berwarna-warni. Ada hijau, biru dan hitam. Sisiknya berkilat, agresif dan kuat. Seronok dapat melihat ikan ini berlaga, adakalanya hingga 15 minit masih tidak mengalah.

Pada ketika itu, pastinya kita menanti sambil meniarap di atas batas tali air. Apabila dibawa pulang ke rumah, ikan dijaga dengan baik dengan diberikan

Ikan laga dibezakan dengan ciri corak dan bentuk sirip.



makanan, seperti jentik-jentik, cacing kecil, semut, telur kerengga, anai-anai atau biskut yang dilumatkan.

Menurut laman web Pusat Rujukan Persuratan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, ikan laga merupakan sejenis ikan air tawar yang dipelihara di dalam akuarium dan berasal dari lembangan Sungai Mekong di Asia Tenggara. Di Malaysia, ikan ini amat popular, terutama di negeri Kedah, Perlis, dan Kelantan. Ikan laga cepat membiak di bendang dan parit sawah selepas musim tengkujuh. Oleh sebab itu, anak-anak yang membesar di kampung berdekatan dengan tempat pembiakan ikan ini ternyata berpengalaman memelihara ikan ini disebabkan oleh kecantikan dan kepelbagaian warnanya. Minat ini terus subur sejak zaman kanak-kanak hinggalah dewasa. Itulah panahan ikan laga.

Minat yang mendalam membuatkan mereka sedaya upaya untuk membela ikan ini sepanjang masa walaupun zaman terus berubah. Kini, aspek kebersihan diambil kira untuk memelihara ikan laga dengan menggunakan air yang bersih dan bebas klorin, seperti dititiskan ubat antiklorin. Air yang kotor atau berklorin mendatangkan penyakit kepada ikan laga. Dalam hal ini, bekas ikan laga mesti dibersihkan sekurang-kurangnya seminggu sekali. Makanan berbentuk bijian amat sesuai untuk ikan laga. Ikan ini hanya makan makanan bersaiz kecil yang muat dengan mulut.

Serentak dengan arus kemodenan, ikan laga mengalami kacukan silang. Maka itu, lahirlah



Aspek kebersihan perlu diambil kira untuk memelihara ikan laga.

ikan laga yang dibezakan dengan ciri corak dan bentuk sirip yang diistilahkan dalam bahasa Inggeris, seperti Spadetail, Deiltail, Delta, Super Delta, Halfmoon, Rosetail dan sebagainya.

Sementara jenis mengikut warna, seperti Patinum, Royal Blue, Steel Blue, Turquoise, Green, Black dan banyak lagi. Bagi jenis mengikut corak pula, ikan ini dikenali sebagai Dragon, Piebald, Butterfly, Marble dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ikan laga yang berekor pendek dipanggil plakad. Biar apa-apa pun nama yang diberikan, ikan ini terus melalui era modenisasi dan semakin terkenal serta mempunyai nilai tersendiri.

Pada tahun 2019, seekor ikan laga yang menjuarai Terengganu Betta Monsson Cup Vol 3 dengan mengalahkan 2305 ekor ikan laga lain dinilai dan dijual dengan harga RM7000. Ikan ini dinilai dalam kelembutan dan "kesombongan", kecantikan



Makanan ikan laga.



Ikan laga yang pernah menjadi johan pertandingan kecantikan.



kombinasi warna dan sirip, sehingga menjadi sebutan ramai. Mengambil contoh di Thailand, seekor ikan laga Betta yang mempunyai warna sama seperti bendera Thailand dijual dalam satu lelongan atas talian pada harga 53,500 baht, iaitu bersamaan RM6617. Ikan laga ini dianggap mungkin ikan laga paling mahal pernah dijual di dunia. Ternyata gambar ikan yang mempunyai jalur berwarna biru, merah dan putih, seperti bendera Thailand, tular di Internet selepas dimuat naik oleh pembiak ikan hiasan, Kachen Woracha di kumpulan lelongan ikan Betta di laman Facebook.

Bagi pencinta ikan hiasan ini, mereka beranggapan bahawa rasa “tenang” akan muncul apabila melihat ikan ini berenang. Maka itu, tidak mustahil dari dahulu hingga kini ikan ini menjadi pilihan sebagai hiasan rumah, sumber ketenangan, hobi, bahkan turut dijadikan sebagai hadiah. Jenis-jenis ikan laga terus muncul seperti Karin Bulan, Karin Matahari, Karin Plakat, Halfmoon Plakat, Karin Ekor Dua, Karin VT, Karin Gergasi, Karin Telinga Gajah, Karin Delta dan Super

Delta, Karin Combtail, Karin Ekor Panjang, Karin Bunga, Karin Feather Tail, Karin Spadetail, Karin Rountail dan sebagainya. Ikan ini terus diiktiraf dan berada dalam kelas tersendiri yang tidak lapuk ditelan zaman.

Oleh sebab minat terhadap ikan laga semakin subur dalam kalangan masyarakat, maka banyak pertandingan seni kecantikan ikan laga telah diadakan. Ikan yang memiliki bentuk badan normal tanpa kecacatan dan warna yang menarik mampu menjadi johan dengan hadiah ditawarkan mencecah ribuan ringgit. Antara ikan laga yang sering diangkat dalam pertandingan hingga ke peringkat antarabangsa termasuklah halfmoon single tail, halfmoon double tails, halfmoon plakat dan crowntails. Hadiah yang ditawarkan sangat lumayan berupa

wang tunai, peralatan elektrik, sijil dan piala kemenangan.

Pertandingan diadakan untuk menguji dan menilai kecantikan bagi setiap seekor ikan yang bertanding, bukannya untuk dilagakan. Ikan yang menang sudah pastinya tidak memiliki kesalahan berdasarkan kriteria yang telah digariskan oleh para juri. Setiap kali pertandingan dianjurkan, pasti mendapat banyak penyertaan dan sambutan yang begitu menggalakkan. Pada masa yang sama, mampu mengumpul lebih ramai peminat baharu daripada pelbagai kaum dalam industri ikan laga, sama ada di dalam atau luar negara.

Di kedai ikan hiasan, ikan laga dijual serendah RM3. Keunikan dan ciri istimewa ikan ini sebenarnya menjadikan penentu harga, sehingga mampu mencapai harga RM6000 seekor. Oleh sebab itu, kebiasaan penternak ikan laga bermula daripada hobi. Lama-kelamaan mendapat permintaan ramai dan mula menyedari potensi besar terhadap industri ikan laga. Dengan dunia tanpa sempadan hari ini, mereka mempromosikan ikan ini melalui media sosial. Rata-rata peminat ikan laga juga membuat tempahan melalui telefon atau e-mel daripada pembekal.



Banyak pertandingan seni kecantikan ikan laga diadakan berikutan minat terhadap ikan laga semakin subur dalam kalangan masyarakat.





Anak ikan laga diberikan makanan kutu air.



Pembeli ikan laga dari Thailand.



Ikan laga sangat mudah dibela jika tahu kaedahanya.

Disebabkan oleh minat yang mendalam terhadap ikan laga, pernah terjadi seorang lelaki melepaskan kerjayanya sebagai pensyarah tetap di sebuah universiti.

Dengan usaha, kerja keras dan bukan hangat-hangat tahi ayam, ternyata membuahkan hasil sehingga memperoleh ribuan ringgit setiap bulan. Lelaki tersebut percaya bahawa di mana kita tinggal, di situlah beliau mendapatkan rezeki.

Bagi mereka yang ingin mengusahakan dan menjadikan pembelaan ikan laga sebagai sumber pendapatan, ikan laga ternyata sangat mudah untuk dibela jika tahu kaedahanya. Mereka harus belajar dan membuat sedikit penyelidikan. Dengan menggunakan air daun ketapang yang direndam dalam bekas selama tiga hari, berupaya menjadikan air berubah sedikit masam kelat, sama seperti habitat asalnya. Selepas itu, induk jantan dan betina akan dilepaskan untuk mengawan.

Kebiasaan proses mengawan mengambil masa tiga hari. Yang istimewanya, selepas induk betina bertelur, induk jantan yang akan menjaga sehingga menetas. Telur pula akan menetas dalam tempoh 48 jam. Selepas anak ikan berusia lima hari, induk jantan

akan dikeluarkan. Anak ikan terus diberikan makanan, seperti kutu air, untuk proses pembesaran. Selepas lima hari, anak ikan dipindahkan ke dalam bekas yang lebih besar. Selepas dua bulan, anak ikan akan diletakkan di dalam bungkus plastik, botol dan balang kaca secara berasingan. Proses pembiakan ini kebiasaannya mampu menghasilkan 50 hingga 300 ekor ikan. Pembelinya sudah pasti ramai memandangkan memelihara ikan laga merupakan hobi yang tidak pernah lekang dalam kalangan rakyat Malaysia. Hal ini menyebabkan kedai ikan laga terus tumbuh bak cendawan selepas hujan.

Walau bagaimanapun, risiko membela ikan laga tetap ada, bak kata pepatah hendak menanggung ikan, tertanggung batang, iaitu mengharapkan untung, tetapi memperoleh kerugian. Sebagai contoh, seorang penternak pernah kehilangan sehingga 3000 ekor ikan bernilai RM10 ribu ketika banjir besar pada tahun 2014. Terdapat juga beberapa pengusaha ikan laga berhadapan dengan kerugian apabila ikan mati disebabkan oleh tidak menjaga kualiti air. Namun begitu, semua itu merupakan asam garam dalam kehidupan.

Ikan laga terus menjadi rapat dan sinonim dalam kehidupan masyarakat dari dahulu hingga kini. Semoga minat dan hobi ini terus subur dan berupaya mengembalikan nostalgia kegemilangan pada zaman kanak-kanak. Maka itu, jagalah dan cintailah anugerah daripada Ilahi ini. Zaman kanak-kanak pastinya terbayang di depan mata setiap kali melihat ketenangan ikan laga ini berenang di dalam air, sekali gus mengembalikan ingatan terhadap asal usul kita pada suatu ketika dahulu yang pernah hidup bertemankan seekor ikan laga. **DB**